

Kolaboratif YIM, UMS tangani masalah air

Lebih 100 penduduk Kampung Sapatalang di Pitas kini boleh menarik nafas lega

UB 23.11.2021 P.02

Oleh Siti Aisyah Narudin

PITAS: Masalah bekalan air bersih yang dihadapi sejak sekian lama penduduk Kampung Sapatalang dekat sini berjaya diatasi menerusi Projek Pencarian Inovasi Berasaskan Bekalan Air Bersih yang dilaksanakan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Projek berkenaan berjaya mengenal pasti masalah utama bekalan air bersih yang dihadapi kira-kira 100 penduduk kampung itu yang disebabkan oleh punca mata air sering tersumbat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited dalam membangunkan inisiatif pencarian air menggunakan teknologi inovatif yang berfokuskan rakyat.

Katanya, menerusi inisiatif seumpama itu, ia dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara inklusif terutama penduduk luar bandar dan terpinggir.

Menurutnya, Projek Pencarian Inovasi Berasaskan Bekalan Air Bersih ini melibatkan inovasi teknologi kejuruteraan dan sosial bagi membolehkan kemudahan asas ini dibekalkan kepada masyarakat di Kampung Sapatalang di sini.

"Pelaksanaan projek inovasi ini dijalankan selama lima bulan dengan peruntukan dari YIM, dapat membantu masyarakat setempat memperoleh sumber air bersih dan secara tidak langsung, meningkatkan kualiti kehidupan dan produktiviti.

"Bekalan air bersih adalah isu utama yang dihadapi oleh penduduk Kampung Sapatalang disebabkan punca mata



AIR BERSIH: Adham (empat kanan) bersama Harun (dua kiri), Zainal (tiga kanan) semasa lawatan ke tapak projek berkenaan.

air sering tersumbat dengan sampah seperti daun kering dan lumpur yang menutup aluan keluar mata air.

"Ini menyebabkan masyarakat di sini bergantung kepada air hujan untuk bekalan air memandangkan kampung ini terletak agak jauh dari sungai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Pencarian Inovasi Berasaskan Bekalan Air Bersih Kampung Sapatalang di sini Ahad lepas.

Adham berkata, dalam usaha untuk memastikan bekalan air bersih yang berterusan, projek ini turut melibatkan penambahbaikan kepada sistem penapisan air bersih.

Katanya, antara kerja-kerja yang dilaksanakan adalah membangun dan menaik taraf sistem bekalan air dari sumber mata air iaitu air bawah tanah dan tangki simpanan di kawasan tadahan.

Selain itu jelasnya, turut diletakkan kemudahan sistem

penapisan air yang dijalankan oleh pihak UMS di kawasan tadahan air Kampung Sapatalang.

"Bekalan air bersih ini disambung terus ke Dewan Masyarakat Kampung Sapatalang yang juga pusat tumpuan penduduk untuk mengadakan aktiviti.

"MOSTI komited dalam memperluas inisiatif merakyatkan sains, teknologi dan inovasi untuk pertumbuhan ekonomi (STIE) melalui program inovasi sosial.

"Antara program inovasi sosial yang akan dijalankan oleh MOSTI di Sabah adalah pembukaan Ruang Reka Flagship STIE Keluarga Malaysia iaitu sebuah ruang yang lengkap bagi menggarap idea kreatif dan inovatif dalam menangani isu setempat," jelasnya.

Sehubungan itu katanya, MOSTI akan meneruskan kolaborasi dengan Insitut Pengajian Tinggi (IPT) untuk menyampaikan lebih banyak program inovasi so-

sial yang berfokuskan rakyat khususnya bagi membantu penduduk di luar bandar dan golongan terpinggir.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YIM Sharmila Mohamed Salleh berkata, pihaknya melantik UMS sebagai rakan kolaboratif strategik bagi melaksanakan projek berkenaan bermula 1 Februari 2021 sehingga 31 Julai 2021 dengan peruntukan sebanyak RM60,000.

Katanya, lawatan kerja ke Kampung Sapatalang bermula sejak 23 September 2020 bagi memberi peluang kepada pihak YIM dan UMS mengenal pasti isu-isu yang dihadapi komuniti di perkampungan berkenaan dan kejiranan di persekitaran.

"Sebagai sebuah agensi yang fokus kepada inovasi akar umbi dan B40, YIM berusaha untuk meningkatkan taraf hidup dan kehidupan berkualiti melalui penggunaan teknologi dan pembangunan inovasi sosial.

"Pelaksanaan projek inovasi ini dapat membantu khususnya golongan B40 dan M40 dalam mendepani kesan COVID-19 selain meningkatkan kualiti kehidupan, produktiviti dan membantu mereka memperoleh sumber air yang bersih demi kelangsungan hidup," katanya.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, YIM dan UMS mengenal pasti masalah utama penduduk di kawasan itu berkait dengan permasalahan sumber air bersih.

Beliau berkata, pasukan projek yang diketuai oleh penyelidik UMS Prof. Madya Dr. Jidon Adrian Janaun membantu komuniti persekitaran Kampung Sapatalang yang menghadapi masalah kemudahan asas dan infrastruktur seperti bekalan air bersih dengan menggunakan inovasi sumber air utama daripada mata air di kawasan kampung itu.

"Selama ini komuniti di situ bergantung kepada air hujan untuk bekalan air serta sungai dan anak sungai yang terletak jauh dari kawasan rumah.

"Kemudahan turut disediakan di kawasan tadahan mata air iaitu penapis dan tangki simpanan air. Projek Inovasi Air Bersih ini turut ditempatkan di Dewan Masyarakat yang juga dewan serbaguna untuk kegunaan penduduk setempat," katanya.

Menurutnya, Sabah adalah negeri yang paling banyak mendapat bantuan dana untuk projek inovasi daripada YIM iaitu sebanyak 32 projek bernilai RM5 juta sehingga tahun lepas.

Turut hadir, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bengkoka Harun Durabi dan Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Zainal Abidin Abu Hassan.